# SEJARAH SENI DAN APRESIASI SENI DALAM PENDIDIKAN SENI DI SEKOLAH-SEKOLAH.

disedia oleh :

siti zaharah bahran
senihalus 4,
senilukis dan senireka,
i.t.m. shah alam.
selangor.

# Kandungan

Halaman

PENGENALAN 1

**bab.1.** 10

Sejarah Ringkas Sistem Pendidikan

Sejarah Pendidikan Purba 13

Tujuan Pendidikan 15

Sejarah Ringkas Sistem Pendidikan

negara kita 21

Sejarah Pendidikan Seni Di Malaysia 24

Fungsi Pendidikan Seni 31

Kurikulum Baru 35

Pengertian Seni Dalam Islam 38

**bab.2**

Perkembangan Senirupa Malaysia 43

Matlamat Pendidikan Sejarah Seni

dan Apresiasi Seni. diperingkat sekolah 49

Objektif Sejarah Seni di Institusi

Pengajian Tinggi 54

Peranan Pendidikan Sejarah Seni 58

Kepentingan Sejarah Seni 61

**bab.3**

Tinjauan Perkembangan Pendidikan

Sejarah Seni: 66

Di Sekolah-Sekolah 66

Di Maktab-Maktab Perguruan 77

Di Institut Teknologi Mara 83

Tinjauan Khusus, Diploma Perguruan, ITM 87

## bab.4

Permasalahan Masa Kini: 90
Seni Sebagai Komunikasi 90
Penaungan 93
Sikap 95
Salah Anggapan 97
Buta Huruf 99
Kebudayaan popular 100
Identiti 103
Lain-lain Masalah 104
Peranan Ibubapa Dan Guru 108

## bab.5

Cadangan:
Tenaga Pengajar 114
Peralatan dan Bahan Rujukan 117
Peruntukan Masa 118
Kegiatan Luar/ Persatuan 119
Sejarah Seni Dalam Matapelajaran lain 128

## penutup 136

LAMPIRAN A
LAMPIRAN B
LAMPIRAN C
BIBLIOGRAFI
PENGHARGAAN

# Pengenalan

"Sesebuah negara memerlukan ciri-ciri keperibadian nasionalnya yang tersendiri. Perpaduan rakyat adalah merupakan teras utama dalam kontek pencapaian keperibadian nasional yang dimaksudkan, saluran asas yang perlu dilalui termasuklah saluran politik, ekonomi dan saluran sosial. Dimana bidang pendidikan yang merupakan cabang kecil dalam saluran sosial merupakan batu asas kearah pembangunan bangsa dan perpaduan rakyat selaras dengan penyata Razak 1956"

Sistem pendidikan kebangsaan yang dilaksanakan hari ini umumnya berasaskan kepada Penyata Razak (1956), Penyata Rahman Talib (1960) dan ordinan Pelajaran (1957) serta Akta Pelajaran (1961). Matlamat utama sistem pendidikan ini adalah bertujuan untuk mengukuhkan perpaduan rakyat melalui satu sistem pendidikan kebangsaan dalam semua sukatan pelajaran dan mengutamakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar. Selaras dengan tujuan tersebut satu jawatan kuasa tetap telah ditubuhkan diperingkat kementerian pelajaran untuk menyelaraskan dan menyeragamkan perkembangan kurikulum yang diikuti dengan penubuhan Pusat Perkembangan Kurukulum. Antara tugas yang dijalankan dipusat ini adalah untuk merancang, membina dan memperkemaskan kurikulum yang ada.

Berikutan dengan tertubuhnya Pusat Perkembangan Kurikulum, dalam Rancangan Malaysia Pertama (RM1) menekankan peranan pendidikan dalam kontek pembangunan bangsa dan perkembangan tenaga manusia bagi menjamin pembangunan ekonomi negara. Manakala Rancangan Malaysia Kedua (RM2) menekankan perlunya pertambahan tenaga mahir bagi membangunkan ekonomi negara. Demikian Rancangan Malaysia Ketiga (RM3) dan Rancangan Malaysia Keempat (RM4) lebih dikenali sebagai Dasar Ekonomi Baru (DEB) menumpukan perhatian terhadap penyusunan semula matlamat pendidikan kearah yang realisasi dan bermatlamat. Keutamaan program-program pelajaran dan pendidikan ditumpukan dalam bentuk latihan. Disamping ujudnya sukatan pelajaran pendidikan seni untuk membena konsep yang sihat terhadap pendidikan seni. Liputannya adalah menyeluruh termasuklah pendidikan yang lebih formal kepada guru-guru pelatih di Maktab-Maktab Perguruan. Dimana kreativiti merupakan pengamatan yang utama, bermatlamat semata-mata untuk menghubungkan sukatan matapelajaran seni dengan matapelajaran lain mengikut kesesuaian.

Sukatan matapelajaran senilukis dan pertukangan, membuat corak diajar diperingkat sekolah rendah, sekolah menengah rendah dan sekolah menengah.